

4

MEMBUDAYAKAN KECEMERLANGAN DALAM PENYAMPAIAN KHUTBAH: SATU KAJIAN KES DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

*Hj. Mohd. Fadzilah Kamsah**

Khutbah Jumaat memainkan peranan yang amat penting dalam merangsang dan memupuk pembangunan sahsiah dan pemikiran yang kritis dan positif. Impak peranan yang dimainkan bergantung kepada keberkesanan penyampaian dan penerimaan jamaah. Kertas kerja ini, berdasarkan kajian kes yang dijalankan di Negeri Pahang Darul Makmur, membincangkan isu-isu yang mempengaruhi keberkesanan penyampaian khutbah. Di antara isu-isu yang dibincangkan termasuklah pengisian khutbah, penggunaan bahasa, kewibawaan dan ketrampilan khatib/jimam dan kesan persekitaran fizikal. Beberapa saranan untuk merealisasikan kecemerlangan dalam penyampaian khutbah juga telah dibincangkan.

Pengenalan

Masjid merupakan salah satu institusi yang terpenting dalam masyarakat Islam. Ia berperanan dalam memupuk kesedaran dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat. Dalam konteks ini, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadat yang khusus tetapi bertindak sebagai pusat pembinaan peribadi Muslim yang unggul, pusat pencernaan pemikiran yang kreatif dan dinamik, pusat memupuk semangat kecemerlangan, serta penggerak ke arah pembentukan tamadun ummah.

Salah satu kegiatan yang terpenting dan berpengaruh yang dikendalikan di masjid ialah khutbah Jumaat. Disebabkan kepentingannya, khutbah Jumaat dijadikan satu kefarduan dan wajib dilaksanakan pada setiap minggu.

Peranan khutbah Jumaat menjadi semakin penting dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan masyarakat dan kecanggihan permasalahan yang dihadapi. Dalam "era kebangkitan Islam" dan arus pembangunan yang berkemudikan Wawasan 2020, peranan khutbah Jumaat menjadi semakin kritikal dan mencabar. Sehubungan dengan itu, khutbah Jumaat seharusnya berdaya mendokong kebangkitan tersebut

* Prof. Madya Dr. Haji Mohd. Fadzilah Kamsah ialah pensyarah di Jabatan Komunikasi Pembangunan di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
Kertaskerja ini telah dibentangkan di Seminar Penyelidikan Komunikasi pada 3 - 4 September, 1991 di Bangi.

dengan penuh wibawa dan keunggulan yang sewajarnya.

Permasalahan

Kepentingan khutbah Jumaat dalam merangsang pembangunan sahsiah dan pemikiran yang kritis dan positif memang tidak pernah dipertikaikan. Walau bagaimanapun keberkesanan khutbah dan ketrampilan para khatib sering diperdebatkan.

Kajian yang telah dijalankan di Negeri Pahang Darul Makmur telah menyingkap beberapa persoalan yang berkaitan dengan prestasi dan keberkesanan khutbah. Ini termasuklah persoalan seperti: Setakat manakah keberkesanan khutbah yang dijalankan setiap minggu? Bagaimanakah pandangan makmum mengenai unsur-unsur utama yang mempengaruhi prestasi khutbah seperti isu pengisian khutbah, bahasa yang digunakan, kewibawaan dan ketrampilan khatib/imam, persekitaran fizikal dan sebagainya?

Hasil kajian ini diharapkan dapat meninjau tanggapan, kehendak dan pengharapan makmum terhadap pelaksanaan khutbah Jumaat. Di samping itu, beberapa cadangan dan gesaan juga dapat diutarakan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan khutbah Jumaat.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Negeri Pahang Darul Makmur pada bulan Jun 1990. Tiga daerah telah dipilih untuk kajian ini iaitu Raub, Bentong dan Kuala Lipis.

Responden dalam kajian ini terdiri dari para makmum yang mengerjakan solat Jumaat, sama ada di *masjid daerah* atau *masjid kariah*. Seramai 154 orang responden telah dipilih secara rawak.

Data untuk kajian ini dikutip dengan menggunakan daftar soalselidik yang telah disediakan. Responden telah diminta untuk mengisi sendiri borang soalselidik. Cara ini telah digunakan kerana soalan-soalan yang diutarakan banyak melibatkan isu-isu berkaitan dengan pandangan dan penilaian terhadap unsur-unsur utama yang menjadi fokus kajian. Dengan cara ini responden mempunyai lebih kebebasan untuk mengemukakan pandangan dan penilaian mereka.

Pandangan Makmum Terhadap Keberkesanan Khutbah Jumaat

1. Pengisian Khutbah Jumaat

Kesesuaian pengisian khutbah diukur menggunakan tiga dimensi iaitu:

- a) kesesuaian dengan isu dan keadaan semasa;
- b) penyelarasan dengan hari-hari kebesaran Islam;
- c) kehendak para jemaah.

Setiap dimensi diukur menggunakan skel tujuh tahap di mana skor minimum bagi responden ialah tiga dan skor maksimum ialah 21. Taburan responden berdasarkan skor tanggapan mereka terhadap pengisian khutbah adalah seperti dalam Jadual 1.

Berdasarkan data dalam Jadual 1 didapati bahawa 43.51% responden menganggap pengisian khutbah secara keseluruhan mempunyai tahap kesesuaian yang tinggi. Hanya 12.33% responden yang menyatakan bahawa pengisian khutbah adalah kurang sesuai.

Penemuan ini sememangnya telah diduga kerana khutbah yang disampaikan oleh khatib-khatib di masjid daerah dan kariah adalah berpandukan kepada teks-teks yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam. Teks khutbah telah ditulis dengan mengambilkira

keadaan dan permasalahan semasa, hari-hari kebesaran Islam, bulan-bulan dalam Takwim Islam dan sebagainya.

**Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Skor
Tanggapan Kesesuaian Isi Khutbah**

Kelompok Skor		Peratus (N=154)
9 atau kurang	(Rendah)	12.33
10 - 15	(Sederhana)	44.16
16 - 21	(Tinggi)	43.51
Jumlah		100.00
Purata skor = 14.04		Maksimum = 21 Minimum = 4

Walaupun teks khutbah disediakan dengan mengambilkira kehendak umum, kehendak masyarakat setempat sering tidak dapat dipenuhi. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan dan budibicara khatib yang bertugas untuk mengaitkan teks khutbah dengan sinario tempatan.

Teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam juga perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa untuk mengambilkira perkembangan mutakhir dalam masyarakat umum dan masyarakat setempat.

2. *Penggunaan Bahasa Dalam Penyampaian Khutbah*

Dalam konteks Negeri Pahang Darul Makmur secara khusus dan Malaysia secara umum, penyampaian khutbah biasanya melibatkan penggunaan dua bahasa — Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab. Tinjauan awal kepada data dalam Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan bahawa tahap kemahiran menggunakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab di kalangan para khatib mempunyai aliran yang hampir sama. Lebih kurang setengah dari responden yang menganggap khatib-khatib mempunyai kemahiran yang sederhana dari segi penggunaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab, manakala hampir dua perlima dari responden mengatakan khatib mempunyai kemahiran yang tinggi dalam penggunaan kedua-dua bahasa.

**Jadual 2: Taburan Responden mengikut Skor Tanggapan
Kemahiran Menggunakan Bahasa Malaysia**

Kelompok Skor		Peratus (N=154)
9 - 15	(Rendah)	9.40
16 - 25	(Sederhana)	48.20
26 - 35	(Tinggi)	42.40
Jumlah		100.00
Purata skor = 23.73		Minimum = 9 Maksimum = 35

Jadual 3: Taburan Responden mengikut Skor Tanggapan Kemahiran Menggunakan Bahasa Arab

Kelompok Skor	Peratus (N=154)
2 - 5 (Rendah)	10.90
6 - 10 (Sederhana)	51.20
11 - 14 (Tinggi)	37.90
Jumlah	100.00
Purata skor = 9.2	Minimum = 2 Maksimum = 14

Tahap kemahiran penggunaan Bahasa Malaysia mengambilkira unsur-unsur berikut:

- Tahap ketepatan penyebutan
- Tahap kesesuaian dengan jemaah
- Keindahan bahasa
- Kekerapan menggunakan istilah yang sukar
- Tahap keberkesanan bahasa yang digunakan

Teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam biasanya ditulis menggunakan bahasa *tulisan* dan bukan bahasa *lisan*. Natijahnya, akan terdapat kejanggalan apabila khatib-khatib *membaca* teks tersebut. Seseorang khatib yang ingin memperbaiki penyampaian khutbahnya akan membuat beberapa adaptasi dan perubahan, baik dari segi bahasa maupun aspek-aspek yang lain.

Kemahiran penggunaan Bahasa Arab dalam khutbah lebih banyak menumpukan kepada kelancaran pembacaan dan ketepatan penyebutan. Ini melibatkan latihan yang dijalankan dan pendedahan kepada pelajaran Bahasa Arab dan ilmu tajwid.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemahiran dalam penggunaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab dalam penyampaian khutbah mempengaruhi prestasi persembahan dan penumpuan jemaah. Oleh itu setiap khatib perlu mempertingkatkan kemahiran penggunaan kedua-dua bahasa untuk penyampaian khutbah yang lebih mantap.

3. Kewibawaan Imam

Kewibawaan khatib/imam secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi tanggapan makmum terhadap khutbah yang disampaikan. Dalam kajian ini, kewibawaan khatib/imam diukur berdasarkan tanggapan responden terhadap khatib/imam dari segi unsur-unsur berikut:

- Kelayakan (kelulusan dan latihan)
- Pengaruh
- Peranan sebagai sumber rujukan
- Penglibatan dalam hal kemasyarakatan
- Penghormatan masyarakat
- Pergaulan dengan anggota masyarakat
- Tahap keilmuan

Tanggapan responden terhadap kewibawaan khatib/imam dijelaskan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Taburan Responden mengikut Skor Tanggapan Mengenai Kewibawaan Imam/Khatib

Kelompok Skor	Peratus (N=154)	
20 atau kurang	(Rendah)	6.30
21 - 35	(Sederhana)	71.60
36 - 49	(Tinggi)	22.10
Jumlah		100.00
Purata skor = 33.00 Minimum = 13 Maksimum = 49		

Hanya 22.10% responden yang mengatakan imam/khatib mempunyai tahap kewibawaan yang tinggi, manakala lebih 70% responden menganggap imam/khatib berada di tahap sederhana. Mengambil kira budaya Malaysia yang akur pada kesederhanaan, kewibawaan bertahap "sederhana" bukanlah sesuatu yang memberangsangkan. Justeru itu imam/khatib perlu mengukuhkan kewibawaan mereka dengan memperbaiki setiap unsur kewibawaan yang dinyatakan di atas.

4. Tahap Kualiti Suara Dalam Penyampaian Khutbah

Salah satu ciri penyampaian khutbah yang cemerlang ialah mutu suara yang baik. Mutu suara melibatkan unsur-unsur seperti a) kelajuan penyebutan perkataan, b) tahap kenyaringan suara, c) tahap kejelasan suara, dan d) tahap pengawalan suara. Tanggapan responden mengenai mutu suara khatib dalam menyampaikan khutbah dirumuskan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Taburan Responden mengikut Skor Tanggapan Mengenai Mutu Suara Khatib

Kelompok Skor	Peratus (N=154)	
4 - 12	(Rendah)	9.60
13 - 20	(Sederhana)	52.40
21 - 28	(Tinggi)	38.00
Jumlah		100.00
Purata skor = 18.20 Minimum = 4 Maksimum = 28		

Hampir dua perlima (38%) dari responden menganggap para khatib mempunyai mutu suara yang baik, dan hanya 9.6% sahaja responden yang menyatakan khatib mempunyai mutu suara yang kurang baik.

Mutu suara boleh dipertingkatkan dengan menjalani latihan-latihan yang tertentu. Dengan kata lain, mutu suara kebanyakan khatib boleh diperbaiki jika mereka diberi

peluang untuk mempelajari dan mengamalkan teknik-teknik pengawalan suara yang berkesan. Dari perspektif ini, khatib/imam perlu didedahkan kepada kursus-kursus teknik penyampaian khutbah dari semasa ke semasa untuk meningkatkan prestasi mereka.

5. Gaya Penyampaian Khutbah

Keberkesanan sesuatu khutbah juga dipengaruhi oleh gaya penyampaian yang dipamerkan oleh khatib. Dalam konteks kajian ini, gaya penyampaian khutbah merangkumi aspek-aspek seperti:

- a) garak badan,
- b) kontak mata,
- c) keyakinan diri,
- d) teknik memulakan khutbah
- e) teknik menutup khutbah
- f) teknik menarik minat jemaah, dan
- g) semangat yang ditunjukkan.

Tanggapan responden mengenai gaya penyampaian khutbah di lokasi kajian adalah seperti yang tercatat dalam Jadual 6.

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Skor Tanggapan Mengenai Gaya Penyampaian Khutbah

Kelompok Skor		Peratus (N=154)
7 - 20	(Kurang baik)	21.40
21 - 35	(Sederhana)	54.60
36 - 49	(Baik)	24.00
Jumlah		100.00
Purata skor = 28.3 Minimum = 7 Maksimum = 44		

Hampir satu perempat (24%) dari responden beranggapan bahawa khatib-khatib mempunyai gaya penyampaian yang baik. Lebih separuh (54.60%) dari mereka pula berpendapat bahawa gaya penyampaian khatib-khatib adalah ditahap sederhana. Pengalaman telah menunjukkan bahawa hanya penyampaian yang baik sahaja yang berkemungkinan besar mendapat perhatian dari jemaah. Ini bermakna tiga perempat (76.00%) dari responden berkemungkinan tidak mendapat manfaat yang sewajarnya dari khutbah yang didengar setiap minggu. Fenomena ini, jika benar-benar wujud, amatlah merugikan semua pihak yang terlibat dengan institusi khutbah. Pihak yang berwajib perlu peka dengan permasalahan ini dan menjalankan langkah-langkah yang positif dan sistematik untuk mengatasinya.

Apakah Ciri-ciri Khutbah Yang Cemerlang

Khutbah mempunyai beberapa matlamat yang tersirat, selain dari menjadi rukun dalam solat Jumaat. Di antara matlamat khutbah ialah:

- a) memberitahu atau mengajar orang yang jahil,
- b) mengingatkan orang yang lupa,
- c) menggerakkan orang yang lalai,
- d) mengejutkan orang yang lena,
- e) menghidupkan jiwa yang mati,
- f) meredakan jiwa yang angkuh,
- g) menggalakkan makruf,
- h) mencegah mungkar,
- i) merangsang semangat untuk berkorban dan berjihad, dan
- j) mengukuhkan ketaqwaan orang yang mendengar.

Untuk menyerlahkan potensinya, sesuatu khutbah perlu difahami dan seterusnya dihayati oleh para jemaah. Malangnya, tidak semua khutbah yang disampaikan setiap minggu membawa makna kepada jemaah. Justeru itu, tidak hairanlah jika banyak terdapat khutbah yang gagal membentuk pemikiran dan roh para jemaah yang mendengar.

Khutbah yang dapat merealisasikan matlamat yang tersebut di atas bolehlah dianggap sebagai khutbah orang "cemerlang", manakala khutbah yang gagal mencapai matlamatnya merupakan khutbah yang "beku".

Khutbah yang berkesan mengambilkira aspek-aspek berikut:

1. *Isi*

Di samping perkara-perkara yang menjadi rukun dalam khutbah, isi khutbah seharusnya membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan kehendak dan keadaan pendengar. Contoh-contoh yang diutarakan seharusnya perkara-perkara yang hampir dengan diri pendengar.

Isi khutbah hendaklah ringkas dan padat, selaras dengan sunnah Rasul s.a.w.

Amar bin Yasri berkata:

"Saya mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: Sesungguhnya panjangnya solat dan singkatnya khutbah menunjukkan kedalaman seseorang itu dalam agamanya, oleh itu panjangkan solat dan singkatkanlah khutbah."

(Riwayat Muslim dan Ahmad)

Isi yang dibicarakan hendaklah tepat, jelas dan kukuh dan dapat menyentuh jiwa pendengar. Dalil-dalil naqli (Al-Quran dan Al-Sunnah) serta dalil-dalil aqli yang tepat dan sesuai perlu disertakan untuk mendukung hujah yang diutarakan.

2. *Bahasa*

Bahasa yang digunakan dalam khutbah hendaklah tepat, tertib dan berkesan dan bersesuaian dengan tahap kebolehan pendengar.

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

"Berbicaralah kepada manusia mengikut tahap kecerdasan (aql) mereka."

(Riwayat Muslim)

Stail penulisan khutbah pula perlulah berbentuk "lisan" dan bukan dalam bentuk "tulisan".

3. Teknik Penyampaian

Penyampaian khutbah yang berkesan biasanya berbentuk "perbualan" antara khatib dan pendengar. Justeru itu khatib tidak digalakkan membaca teks semasa berkhutbah. Perbuatan membaca teks dengan sendirinya membunuh semangat khutbah dan seringkali menjemukan pendengar.

Khatib juga perlu mengawal suara, mengawal pergerakan badan, menarik perhatian pendengar, mendorong pendengar dan menggunakan strategi pemujukan yang sesuai.

Allah berfirman yang bermaksud:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik..."

(An Nahl: 125)

Jabir (r.a.) berkata:

"Apabila Rasulullah (s.a.w) berkhutbah, kedua mata baginda merah, suaranya keras dan bersemangat bagaikan seorang panglima yang memperingatkan kedatangan musuh yang hendak menyerang di waktu pagi atau petangnya."

4. Jangkamasa Khutbah

Jangkamasa penyampaian khutbah seharusnya singkat dan lebih singkat dari masa solat.

Jabir berkata:

"Nabi (s.a.w) tidaklah memanjangkan nasihatnya pada hari Jumaat (dalam khutbah Jumaat), baginda hanya memberikan amanat-amanat yang singkat sahaja."

(Riwayat Abu Daud)

Modus Operandi Merealisasikan Kecemerlangan Dalam Penyampaian Khutbah

Untuk merealisasikan kecemerlangan dalam penyampaian khutbah, masalah pokok perlu dikenalpasti. Ini mungkin berpunca dari ciri-ciri peribadi imam/khatib atau latar belakang situasi yang dihadapi.

Tidak terdapat kriteria yang jelas dalam proses perlantikan imam atau khatib di negara ini. Lantaran itu ada kedapatan individu yang jahil mengenai bahasa Arab dan kurang baik dari segi membaca al-Quran yang dilantik menjadi imam atau khatib. Di samping itu, lebih dari 80% imam/khatib di negara ini yang berkhidmat secara sukarela dan kebanyakan mereka terdiri dari orang yang sudah terlalu tua, uzur dan pesara-pesara.

Selain dari menyampaikan khutbah, imam/khatib menjalankan berbagai kegiatan dan tanggungjawab di kariah masing-masing. Walaupun mereka cuma diberi elaun \$300 setahun, mereka terpaksa menjalankan tugas sebagai penasihat, pakar rujuk, dan mengetuai berbagai kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan. Mereka merupakan "orang penting" di masa berlaku kematian, kenduri-kendara, majlis perkahwinan, upacara berkhatan dan sebagainya. Perlu diingat bahawa ramai di antara imam/khatib yang terpaksa bekerja di sawah, di kebun, menoreh getah dan sebagainya untuk menyara penghidupan mereka.

Bagaimanakah imam/khatib dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan seperti menyampaikan khutbah yang cemerlang?

Berdasarkan penemuan-penemuan kajian dan perbincangan di atas, cadangan-cadangan berikut diutarakan untuk merealisasikan kecemerlangan dalam penyampaian khutbah:

1. Masalah asas imam/khatib perlu diatasi. Ini dapat dijalankan dengan menambah elaun bulanan/tahunan mereka. Jika imam/khatib tidak perlu bertungkus lumus untuk menyara hidup, mereka boleh memberi tumpuan yang lebih kepada tanggungjawab keagamaan termasuk membuat persediaan yang rapi dalam penyampaian khutbah.
2. Setiap imam/khatib perlu diberi kursus mengenai penyediaan dan penyampaian khutbah yang berkesan. Latihan yang diberikan akan memupuk kemahiran dan keyakinan dalam diri imam/khatib.
3. Teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam perlu diubahsuai untuk mengambilkira kehendak dan masalah tempatan. Imam/khatib harus digalakkan agar menggunakan teks sebagai panduan dan bukan untuk *dibaca* semata-mata.
4. Imam/khatib perlu melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan pertubuhan dakwah atau sebarang harakah Islamiah. Dengan kata lain, imam/khatib perlu menjadi penggerak dalam kegiatan keislaman di tempat atau kariah masing-masing.
5. Imam/khatib perlu bebas dari terikat dengan kepentingan dan arahan sebarang parti politik. Dengan ini mereka akan lebih diterima oleh pelbagai jenis makmum di kawasan setempat.
6. Kemudahan-kemudahan fizikal perlu dilengkapi di setiap masjid. Ini termasuklah kemudahan seperti kipas angin, tikar atau permaidani, alat siaraya yang baik, dan sebagainya.
7. Makmum perlu sentiasa diingatkan mengenai tanggungjawab mereka semasa penyampaian khutbah. Mereka harus belajar mendengar secara aktif dan kritis.

Penutup

Khutbah berpotensi besar untuk bertindak sebagai media pembangunan yang amat berkesan. Walau bagaimanapun potensi ini tidak akan dapat diwujudkan tanpa kerjasama dan penglibatan yang bermakna dari semua pihak yang berkaitan.

Kita perlu merobah imej khutbah dari kegiatan sekadar memenuhi rukun kepada media yang berperanan membangunkan ummah. Sehubungan dengan ini, imam/khatib perlu diberikan orientasi baru agar mereka menjadi lebih dinamik dan lebih peka kepada perubahan di persekitaran. Mereka seharusnya bersedia untuk memenuhi pengharapan para jemaah dan menjadikan khutbah Jumaat sebagai forum mingguan yang cemerlang.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada En. Rasid Mohamad, pelajar pengajian siswazah, Jabatan Komunikasi Pembangunan, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. Kertas kerja ini ditulis berdasarkan data yang beliau kutip untuk penulisan tesis sarjana.